

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Sunday, May 28, 2017 11:39 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Massudi bin Mahmuddin; Dr. Mohamad Farhan Bin Mohamad Mohsin
Subject: NATIJAH HAMIL LUAR NIKAH DALAM KALANGAN REMAJA



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia



02 Ramadhan 1438H bersamaan 28 Mei 2017

**"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Assalamualaikum & Salam Sejahtera.

YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan,

NATIJAH HAMIL LUAR NIKAH DALAM KALANGAN REMAJA.

Gadget merupakan punyumbang utama kepada kes sosial yang melanda golongan remaja pada masa kini. Oleh yang demikian, Persatuan *The Institute of Public Relations Malaysia Student Association* (IPRMSA), Universiti Utara Malaysia telah menganjurkan sebuah diskusi sosial bertajuk *Natijah Hamil Luar Nikah Dalam Kalangan Remaja* pada 14 Mei 2017. Program ini turut diadakan bersempena dengan SMMTC & SCIMPA WEEK 2017 yang telah berlangsung selama seminggu bermula pada 14 hingga 18 Mei 2017. Program ini dianjurkan bertujuan untuk menyedarkan remaja mengenai kesan yang bakal dihadapi oleh diri dan juga orang sekeliling jika mereka terlibat dalam kes hamil luar nikah. Dalam masa yang sama, ia juga bertujuan membina pembentukan sahsiah dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan remaja.



Program diskusi yang berbentuk forum ini ditampilkan dengan tiga panel daripada jabatan berbeza iaitu Inspektor Siti Ratnadewi Ahmad Tasir daripada Ibu Pejabat Polis (IPD), cawangan Jitra. Mohd Basyaruddin daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kubang Pasu. Penampilan khas untuk membincangkan diskusi ini adalah bekas Pendakwah Nusantara ajuran rancangan realiti TV3, Daie Syed Shah Iqmal Bin Syed Mohd Shaiful Jamalullail. Seramai 100 orang pelajar Tingkatan Tiga dan Empat termasuk guru Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Sintok turut dijemput untuk bersama-sama dalam diskusi sosial ini.



Menurut wakil Ibu Pejabat Polis (IPD), cawangan Jitra, Inspektor Siti Ratnadewi Ahmad Tasir berkata, “kewujudan pelbagai laman sosial menjadi penyumbang utama masalah sosial ini. Laman sosial seperti wechat yang mempunyai kemudahan untuk mengakses orang sekeliling bagi mendapatkan kenalan baru. Hal ini memudahkan sesuatu perkenalan itu di alam maya. Perkenalan yang melibatkan remaja perempuan dan lelaki di alam maya ini sedikit sebanyak telah menyumbang kepada gejala sosial seperti berkhawat dan gejala-gejala sosial lain”.

Sekian dan harap maklum.

=====
Students Development & Alumni Office

UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307 | Faks: 049285310
Email:cas-sadc@uum.edu.my
Website:ppacas.uum.edu.my



Students Development & Alumni Office



@ppauumcas



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.